



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 5 TAHUN 2007

GARIS PANDUAN MENGENAI PEMBERIAN ELAUN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk **menjelaskan** mengenai garis panduan pemberian Elaun Insentif Perkhidmatan Kritikal kepada staf-staf yang layak di Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATARBELAKANG

2.1. Garispanduan ini telah mendapat kelulusan pihak **Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bilangan 2 Tahun 2007** yang bermesyuarat pada 23 Mac 2007.

3.0 PERATURAN MENGENAI BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL

3.1 Asas Penentuan Perkhidmatan Kritikal

3.1.1 Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal adalah elaun yang dibayar kepada anggota-anggota perkhidmatan tertentu yang tergolong dalam Perkhidmatan Kritikal. Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 / 1991, hanya terdapat beberapa jawatan dalam perkhidmatan awam yang diletakkan di bawah Perkhidmatan Kritikal. Penentuan sama ada

sesuatu perkhidmatan adalah Perkhidmatan Kritikal adalah berasaskan kepada:-

3.1.1.1 Peranan dan sumbangan perkhidmatan ke arah pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara;

3.1.1.2 Persaingan dalam pasaran pekerjaan bagi kakitangan-kakitangan yang terlatih;

3.1.1.3 Kelayakan dan kebolehan yang perlu ada pada perkhidmatan berkaitan; dan;

3.1.1.4 Keadaan persekitaran tempat kerja.

2.1 Kadar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

2.1.1 Bagi menarik minat calon-calon pekerja dan mengekalkan mereka dalam perkhidmatan-perkhidmatan kritikal, kerajaan telah menyediakan suatu bayaran insentif yang dinamakan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal mengikut kadar-kadar yang ditetapkan sebagaimana dibawah;

Kumpulan	Kadar daripada gaji pokok
Pengurusan & Profesional kecuali, Pegawai dan Pensyarah Perubatan	5 % RM 500
Sokongan kecuali , Jururawat	10 % 15 %

2.2 Kriteria Kelayakkan bagi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

2.2.1 Seseorang yang berada dalam perkhidmatan kritikal hanya layak menikmati Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal apabila memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:-

2.2.1.1 Mempunyai kelayakan/ kelulusan yang disyaratkan *dalam skim-skim perkhidmatan* yang telah ditetapkan sebagai perkhidmatan kritikal;

2.2.1.2 Dilantik sebagai *kakitangan tetap/ sementara(termasuk kontrak)* dalam perkhidmatan kritikal; dan

2.2.1.3 Menggunakan kelayakan/ kelulusan yang dimiliki sepenuhnya untuk menjalankan tugas dan fungsi yang telah ditetapkan dalam sesuatu perkhidmatan. Sekiranya sebaliknya, tidak layak dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal walaupun memiliki kelayakan/kelulusan dalam bidang tersebut.

2.3 Jawatan-jawatan yang diketogorikan sebagai Perkhidmatan kritikal dan layak dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9/1991 di Universiti Malaysia Pahang;

2.3.1 Pensyarah dalam bidang Perundangan, Kejuruteraan, Senibina, Ukur Bahan, Farmasi & Pergigian sahaja;

2.3.2 Jurutera, Juru Ukur Bahan, Arkitek

2.3.3 Pegawai Perubatan

2.3.4 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Politeknik & Vokasional – Dalam bidang Kejuruteraan)

2.3.5 Pegawai Undang-Undang

2.3.6 Penjaga Jentera Elektrik

2.3.7 Jururawat Terlatih

2.3.8 Tukang K1, K2

2.4 Keadaan-keadaan yang akan menyebabkan terhentinya pembayaran Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

2.4.1 Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal akan dihentikan dalam keadaan-keadaan dan tempoh seperti berikut:

2.4.1.1 Bercuti tanpa gaji (termasuk bercuti belajar)

2.4.1.2 Bercuti separuh gaji (termasuk bercuti belajar)

2.4.1.3 Berkursus dengan bergaji penuh melebihi 3 bulan

2.4.1.4 Bercuti rehat melebihi 28 hari berturut-turut

2.4.1.5 Bercuti kerana haji, bersalin dan sakit yang kronik

2.4.1.6 Pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional memangku jawatan kumpulan pengurusan dan profesional (kenaikan pangkat)

4.0 PEMAKAIAN

4.1 Garis panduan ini ini adalah digunapakai kepada semua *staf tetap/sementara* bagi gred **54 dan kebawah** yang berada dalam mana-mana skim perkhidmatan kritikal sebagaimana yang dinyatakan diatas di Universiti Malaysia Pahang.

5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Tarikh kuatkuasa garis panduan ini ialah pada **01 Februari 2007**

”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,

(HAJI SA’UDI BIN HAJI AHMAD, SMP., PKC.)
PENDAFTAR

Tarikh : 04 Julai 2007

Edaran Kepada:

Semua Dekan
Semua Pengarah
Semua Ketua Bahagian / Unit
Bendahari